## BAB 1: WARISAN NEGARA BANGSA

### 1.1 Latar Belakang Negara Bangsa Sebelum kedatangan Barat

- Asas negara bangsa telah bermula sebelum kedatangan Barat
- Proses pembentukan mengambil masa yang lama dan melalui beberapa.
- Antara kerajaannya Funan, Champa, Kedah Tua, Gangga Nagara, Srivijaya, Angkor dan Majapahit

**Ciri – Ciri Kerajaan Alam Melayu**

**1. Raja**

- Tonggak utama kerajaan.
- Kedudukan raja diperkukuh dengan pentadbiran.
- Dibantu pembesar.
- Raja ditaati rakyat dan dianggap suci.
- Contoh: Raja Champa dikaitkan dengan Dewa Siva

**2. Undang-undang**

- Untuk memastikan kesejahteraan kerajaan.
- Terpakai di wilayah pengaruh.
- Menjadi panduan dalam pentadbiran.
- Contoh: Majapahit amal Undang-Undang Kutara Manawa

**3. Wilayah pengaruh**

- Kawasan rakyat menerima dan memperakui pemerintahan seorang raja
- Contoh: Wilayah pengaruh Funan luas dari Sg Mekong, Teluk Cam Ranh, selatan Myanmar , Segenting Kra

**4. Rakyat**

- Penduduk di dalam sesebuah negara,
- Setia kepada raja dan tidak menderhaka.
- Contoh: rakyat Srivijaya buktikan kesetian mereka kepada raja dengan upacara persetiaan dan meminum air sumpah



- *Inskripsi Telaga Batu*
- *digunakan upacara persetiaan antara pemerintah dengan golongan diperintah dalam kerajaan srivijaya.*
- *Air dituang keatas inskripsi telaga batu dan mengalir ke corong bawahnya.*
- *Air akan ditadah dan diminum oleh rakyat untuk menunjukkan kesetiaan kepada pemerintah*

## SEJARAH RINGKAS KERAJAAN ALAM MELAYU

### Kerajaan Funan

**Pengasasan**

- Pengasasnya - Kaundinya seorang Brahmin Hindu.
- Berpusat di Vyadhapura.
- Kaundinya berkahwin Soma.

**Kemasyhuran**

- Semasa pemerintahan Fan Shih-nian
- Berkembang sehingga Sungai Mekong dan Teluk Cam Ranh.
- Menguasai Selatan Myanmar dan Segenting Kra.
- Menguasai jalan perdagangan timur barat.
- Pusat perdagangan utama Alam Melayu.
- Pelabuhan utama - Oc Eo.
- Dikunjungi pedagang China, India, Arab, Parsi.
- Mengadakan hubungan dengan China
- Meminta bantuan china untuk melawan Dai Viet.
- Hubungan dengan India - perdagangan
- Mengukuhkan hubungan perdagangan dua hala dan mendalami ilmu agama.

**Sistem pemerintahan**

- Sistem beraja - Raja dibantu golongan agama dan tentera.
- Raja menggunakan pelbagai gelaran bagi mengukukuhkan kedudukan
- Dibahagikan kepada tujuh wilayah.
- Setiap wilayah diperintah putera raja - Raja Kecil
- Menggunakan bahasa Sanskrit - Tulisan orang Hu

**Kemerosotan**

- Semasa raja Rudravarman - Diserang kerajaan Chenla.

### Kerajaan Champa

- Pengasas Chu-Lien - Berpusat di Indrapura.
- Berjaya bebaskan diri dari China.
- Berjaya membunuh Raja Tran Due Tong di bawah Pemerintahan Che Bong Nga.
- Jajahan takluk dari wilayah Dai Viet hingga Lembah Sungai Mera.

- Mengadakan hubungan dengan China.
- Menghantar utusan untuk pulihkan hubungan dengan China setelah berperang dengan Dai Viet.

**Sistem pemerintahan**
- Pemerintah - gelaran Rajadhiraja.
- Dibantu pembesar.
- Dibahagikan kepada lima wilayah - diperintah pembesar.
- Pelabuhan Turan, Kam ran, Sri Banoy dan Maliti
- Menggunakan bahasa Melayu Champa dan Sanskrit
- Tulisan Palava dan Champa kuno

**Kemerosotan.**
- Kerajaan Melayu paling lama bertahan - 1500 tahun.
- Jatuh setelah Raja Indravarman mati.
- Musuh lama Dai Viet menyerang Champa
- Ditawan Dai Viet setelah beberapa siri peperangan

**Kerajaan Srivijaya**
**Pengasasan**
- Dapunta Hyang Sri Jayanasa 683m,Berpusat Palembang
- Berkembang kerana kebijaksanaan pemerintah
- Menjadi kuasa perdagangan di Alam Melayu.
- Menguasai jalan perdagangan laut antarabangsa - Selat Melaka dan Selat Sunda.
- Wilayah takluk hingga ke selatan Myanmar, Tanah Melayu dan Segenting Kra.
- Pusat pengajian Buddha.

**Hubungan luar**
- Mendapat pengiktirafan China.
- menjadi pelindung kapal China di Selat Melaka
- Hubungan persahabatan dan keagamaan dengan India.
- Catatan I-Ching: cerita kehebatan Srivijaya. Menguasai jalan perdagangan di Selat Melaka, Selat Sunda, Laut China Selatan, Laut Jawa, dan Selat Karimata.
- Berkembang selepas Funan jatuh.

**Pentadbiran / pemerintahan**
- Raja berkuasa dalam kehakiman, cukai dan perkara kesejahteraan rakyat
- Dibantu anak-anak raja - Yuvaraja, Pratiyuvaraja dan Rajakumara
- Dibantu golongan agama, tentera dan hakim
- Empayar dibahagikan kpd beberapa mandala.
- Setiap mandala diperintah datu - anak raja / pembesar bukan keturunan raja.
- Tanggungjawab rakyat
- Berbakti kepada negara, Bayar cukai, kerahan tenaga mempertahan negara dan tidak menderhaka
- Raja dianggap inkarnasi dari dewa Hindu - Amogapasha Avalokiteswara.
- Kedudukan raja diperkukuh unsur kesaktian.
- Daulat Raja Srivijaya - Pendewaan raja
- Konsep daulat mewujudkan tradisi persetiaan antara golongan diperintah dengan pemerintah.
- Bahasa Melayu sebagai bahasa utama.
- Bukti penemuan batu-batu bersurat Kedukan Bukit, Kota Kapur, Telaga Batu dan Talang Tuwo.

**Kemerosotan**
- Serangan Raja Chola - Tanah jajahan bebaskan diri

**Kesultanan Melayu Melaka**
Pengasasan
- Parameswara 1400 - anak putera Palembang
- Majapahit muncul selepas srivijaya merosot
- Majapahit menguasai beberapa kawasan seperti Palembang dan Temasik.
- Parameswara dan ayahnya cuba pertahankan Palembang namun gagal
- Menyebabkan Parameswara lari ke Temasik.
- Parameswara membunuh pemerintah Temasik.
- Menyebabkan beliau berpindah dan tiba di kampung nelayan yang berpotensi (Melaka )

**Asal Usul Melaka**
- Sumber Sejarah Melayu - nama Pokok Melaka.
- Pedagang Arab menggunakan “Malakat” bermaksud perhimpunan segala dagang.
- Menggelarnya “Mulaqah” bermaksud pertemuan.
- Bahasa Sanskrit Melaka mendapat nama dari pokok “Amalaka” yang berbuah masam.
- Ajaran Hindu “Amalaka” pokok pertama tumbuh di alam semesta.
- The Suma Oriental oleh Tom Pires berasal berasal dari kata “Malaqa” bermaksud tempat perlindungan

**Faktor Kemunculan**
- Melaka sebagai pelabuhan antarabangsa / entrepot
- Lokasi strategik -laluan perdagangan timur dan barat
- Terlindung tiupan angin monsun .
- Bentuk muka bumi berbukit.
- Benteng pertahanan semulajadi iaitu pokok bakau dan api²

**Hubungan Luar**
- Hubungan dengan China.
- Hubungan dengan Ryukyu (Jepun), Siam, Pasai, Demak, Pegu.
- Mendapat keselamatan dan kedaulatan

**Perluasan Empayar**
- Melalui 3 penaklukan, perkahwinan dan naungan.
- Sultan Muzaffar Shah menakluk Pahang, Inderagiri dan Kampar.
- Sultan Mansur Shah menakluk sehingga Bernam, Perak dan Siak.
- Sultan Alauddin Riayat Shah menguasai Aru

**Penyebaran islam**
- Melalui pengislaman pemerintah, perkahwinan, peranan ulama dan mubaligh, perdagangan dan perluasan kuasa.
- Menjadi tempat tumpuan ulama dan ppendakwah dan tempat pembelajaran agama Islam

**Pentadbiran**
- Raja pemerintah berkuasa tinggi.
- Raja adil dan berwibawa memberi keyakinan dan jaga keselamatan rakyat
- Sistem Pembesar Empat Lipatan melancarkan pentadbiran
- Dibantu pembesar berwibawa seperti Bendahara Tun Perak yang berkhidmat bawah empat org sultan.
- Mencapai kegemilangan semasa Sultan Mansur Shah

**Kemerosotan Melaka**
- Kelemahan dlm pentadbiran Sultan Mahmud.
- Membunuh Bendahara Tun Mutahir seluruh keluarga tanpa usul periksa.
- Baginda termakan fitnah pembesar lain yang tidak puas hati dengan Tun Mutahir.
- Tiada perpaduan dalam kalangan pembesar.
- Pembesar dan rakyat berpecah yang menjejaskan pentadbiran.
- Menjejaskan perdagangan.
- Kedatangan Portugis - menguasai perdagangan rempah.
- Raja Portugal hantar Alfonso de Albuquerquer untuk serang Melaka.
- Kegagalan rundingan menyebabkan Portugis menyerang Melaka sebanyak tiga serangan dan berjaya menakluk Melaka pada serangan ke tiga.
- Sultan Mahmud berundur ke beberapa wilayah sebelum bertapak di Bentan.
- Kesultanan Melayu Melaka diteruskan oleh Kerajaan Johor-Riau.

**Kesultanan Johor-Riau**
**pengasasan**
- Diasaskan waris Kesultanan Melayu Melaka.
- Sultan Mahmud lari dari Melaka dan berkota dibeberapa tempat.
- Portugis serang kota di Pulau Bintan (1526) menyebabkan sultan lari ke Kampar dan mangkat 
- Raja Ali pengasas 1528 (putera Sultan. Mahmud dan Tun Fatimah) menggunakan gelaran Sultan Alaudiin Riayat Shah I.
- Membina pusat pemerintahan di Kota Kara, Pekan Tua, Johor 1528 dengan bantuan Bendahara Seri Nara Diraja.
- Kota Kara dikelilingi bukit menyebabkan selamat dari ancaman luar.
- Kedudukan berhampiran sg yg lebar dan dalam memudahkan kapal² keluar masuk.
- Kota Kara tidak bertahan lama kerana Portugis menyerang 1535.
- Baginda undur ke Kota Sayong kerana sungai sempit menyukarkan kapal musuh melepasinya.
- Baginda berpindah ke Kota Batu, Johor Lama 1540. Bertapak 300 tahun.
- Diteruskan oleh sultan dari keturunan Bendahara Johor.
- Selepas 1855 diterajui waris keturunan Temenggung

**Kegemilangan Johor-Riau**
- Sebagai pusat perdagangan
- Tumpuan pedagang China, Gujerat, Belanda, Inggeris.

- Menjadi pusat pertukaran barang keluaran Alam Melayu dengan barang dari China, India, Arab.
- Kemudahan pelabuhan disediakan.

**Cabaran-Cabaran Kerajaan Johor Riau**

- Perang Tiga Segi.
- Johor, Acheh dan Pportugis yang mahu kuasai perdagangan di Selat Melaka.
- Perang hampir 100 tahun.
- Penaklukan Melaka oleh Belanda dengan bantuan johor menamatkan perang.
- Belanda berjaya usir Portugis dari Melaka.
- Acheh tiada upaya selepas kemangkatan Sultan Iskandar Thani.
- Perang Johor Jambi
- Berlangsung 1659-1679
- Johor berjaya mengalahkan Jambi - tunduk pada Johor
- Kemunculan Raja Kechil
- Mendakwa dirinya Putera Sultan Mahmud 1.
- Mengisytiharkan dirinya sebagai Sultan Johor-Riau bergelar Sultan Abdul Jalil Rahmat Shah.
- Bantuan Bugis Lima Bersaudara, Raja Kechil dapat dikalahkan.
- Masalah antara pembesar.
- Bendahara Tun Habib Abdul Majid bersaing dengan Laksamana Tun Abdul Jamil untuk berkuasa.
- Keturunan Bendahara kembali berkuasa selepas pengunduran Laksamana Tun Abdul Jalil ke Terengganu.
- Kewibawaaan Kesultanan Johor-Riau tidak tergugat dengan cabaran yang dihadapi.

**1. 2 Ciri-ciri negara bangsa Kesultanan Melayu Melaka (KMM)**

- KMM mempunyai system pentadbiran, peraturan, masyarakat tersusun dan corak politik tersendiri.
- Ciri pembentukan negara bansa yang kukuh pada zaman KMM adalah kerajaan, rakyat, kedaulatan, wilayah pengaruh, undang-undang dan lambang kebesaran.

**1. Kerajaan**

- Muncul kerana adanya raja - dibantu oleh pembesar.
- Raja diperkukuhkan dengan Sistem Pembesar Empat Lipatan.
- Pemerintah KMM menggunakan gelaran Sultan setelah kedatangan Islam.

**2. Rakyat**

- Rakyat Melaka terdiri daripada orang Melayu dan Orang Laut.
- Merangkumi golongan merdeka dan hamba.
- Kesejahteraan rakyat Melaka dijamin oleh sultan.
- Rakyat mengakui kekuasaan sultan.

**3. Kedaulatan.**

- Lambang kekuasaan tertinggi sultan
- Mengawal rakyat dan wilayah.
- Kedaulatan KMM bebas daripada campur tangan kuasa asing.
- Kerajaan Dinasti Ming menghantar utusan Laksamana Cheng Ho.
- Mengeratkan hubungan antara China dan Melaka.

**4. Wilayah pengaruh**

- Kawasan pemerintahan raja yang diterima dan diakui oleh rakyat.
- KMM merangkumi Semenanjung Tanah Melayu dan pantai timur Sumatera.
- Diperolehi melalui penaklukan, naungan dan perkahwinan.
- Sebagai bukti kewibawaan pemerintah.
- Wilayah taklukan-wilayah yang diperoleh melalui peperangan seperti Pahang, Kuala Linggi, Kelantan, Rokan, Inderagiri, Kampar.
- Wilayah naungan-wilayah yang menerima ketuanan KMM sama ada melalui perkahwinan / persahabatan. Contohnya Lingga, Pattani dan Kedah
- Perolehan wilayah melalui perkahwinan.
- Seperti Majapahit menghadiahkan Siantan kepada Sultan Mansur Shah kerana mengahwini Puteri Majapahit.

**5. Undang-undang**

- Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.
- Undang-undang akan mengukuhkan kerajaan dan melindungi rakyat.

6. Lambang kebesaran

- Lambang kedaulatan sultan yang memerintah.  Antara lambang kebesaran ialah adat istiadat, penggunaan warna, nobat, regalia dan cap mohor

**1.3 Keunggulan Sistem Pentadbiran dan Undang-Undang**

- Maksud keunggulan
- Kesempurnaan dan keistimewaan yang dimiliki oleh sesebuah kerajaan.
- Keunggulan KMM terbukti melalui pentadbiran dan undang- undang yang tersusun

- Sistem Pentadbiran KMM
- KMM mempunyai sistem pentadbiran yang lengkap.
- Sistem Pembesar Empat Lipatan.
- Sultan memberikan Pembesar Berempat memerintah wilayah, sungai atau pulau.
- Dikenali kawasan pegangan.
- Sultan mengetuai pemerintahan, peperangan, hubungan diplomatik dan agama.
- Pembesar Berempat terdiri daripada Bendahara, Penghulu Bendahari, Temenggung dan Laksamana.
- Pembesar yang lain ialah Syahbandar, Bentara, Orang Kaya, hulubalang dan penghulu.
- Sistem pentadbiran KMM mempunyai dua peringkat iaitu pentadbiran pusat dan peringkat jajahan

- Pentadbiran pusat
- Dilaksanakan oleh Pembesar Berempat
- Hubungan dan persefahaman dua hala memastikan kejayaan KMM
- Permuafakatan antara sultan dan pembesar
- pentadbiran sempurna
- Bendahara bertugas sebagai ketua pentadbir, ketua angkatan tentera, menasihati sultan dan menjadi pemangku sultan.
- Penghulu Bendahari menguruskan perbendaharaan.
- Sumber pendapatan KMM diperolehi daripada urusan perdagangan, cukai dan ufti wilayah taklukan serta naungan.
- Syahbandar ditugaskan mengutip cukai di pelabuhan dan pembesar lain mengutip cukai di kawasan pegangan.
- Hasil KMM digunakan untuk membeli senjata dan membina istana.
- Temenggung dilantik untuk menjaga keselamatan kota Melaka.
- Laksamana dilantik sebagai panglima angkatan laut Melaka.

- Peringkat jajahan.
- Pembesar menguruskan pentadbiran di daerah dan kampung.
- Pembesar dilantik oleh sultan dan Pembesar Berempat.
- Peranan pembesar - menjaga keamanan kawasan pentadbiran dan dibenarkan mengutip cukai

- Undang-Undang
- Undan Melaka berasaskan syariah dan hukum adat.
- Hukum Kanun Melaka dan Undang-Undang Laut Melaka.

1. Hukum Kanun Melaka

- Mempunyai 44 fasal.
- Jenayah
- Perbuatan jenayah seperti membunuh, menikam, mencuri.
- Hukuman setimpal dikenakan atas perbuatan jenayah.
- Fasal 5.1, seseorang yang didapati membunuh tanpa pengetahuan raja atau pembesar akan dikenakan hukuman bunuh.
- Fasal 4, seseorang yang ingkar arahan dan memalsukan titah sultan akan dikenakan hukuman bunuh.

- Peranan Sultan dan Pembesar
- Pembesar perlu tahu pelaksanaan undang-undang Melaka.
- Fasal 1 menjelaskan tugas sultan, Bendahara, Temenggung dan Penghulu Bendahari.
- Sultan bertanggungjawab melantik pembesar.

- Undang – undang Kekeluargaan
- bertujuan menjaga keharmonian keluarga
- Menyelesaikan masalah keluarga atau perkahwinan.
- Fasal 26 menyatakan pernikahan memerlukan empat orang saksi tetapi memadai dua orang saksi jika tidak mencukupi.
- Hamba dan wanita tidak boleh menjadi saksi dalam pernikahan.

- Ekonomi
- Peraturan tentang urusniaga dilakukan untuk mengawal perdagangan di Melaka.
- Fasal 30 menyatakan pengharaman amalan riba dalam urusniaga.
- Orang yang berniaga perlulah akil baligh, siuman dan melafazkan niat jual beli.

2. Undang-Undang Laut Melaka

- Diusahakan oleh Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri dan Nakhoda Sahak.
- Diperkenan Sultan Mahmud Shah

- Peranan Nakhoda
- Berkuasa penuh dan diibaratkan sebagai raja dalam pelayaran.
- Arahan dan perintah nakhoda perlu dipatuhi.
- Fasal 13.1- nakhoda perlu diberi keutamaan untuk berniaga selama 4 hari.
- Fasal 13.3 - sekiranya nakhoda hendak singgah di tempat yang tiada dalam senarai persinggahan, nakhoda perlu bermesyuarat dengan semua orang dalam kapal untuk dapatkan persetujuan.

- Pelayaran
- Peranan pegawai lain dijelaskan seperti jurumudi, malim dan jurubatu supaya pelayaran selamat / lancar.
- Fasal 9 - seorang malim harus arif tentang ilmu pelayaran seperti keadaan ombak, arus dan kedudukan bulan dan bintang agar pelayaran selamat.
- Malim lalai dalam tugas hingga menyebabkan perlanggaran dan kerosakan, dia akan dihukum bunuh.

- Jenayah
- Jenayah menggugat ketenteraman dan keselamatan isi kapal.
- Hukuman terhadap perbuatan mencuri, membunuh dan memberontak.
- Fasal 5: seseorag yang berkelakuan jahat dan membunuh orang di atas kapal, akan dihukum mati

- Percukaian.
- Sistematik dan adil.
- Cukai yang dikenakan dalam pelayaran untuk perdagangan seperti cukai perjalanan dan hasil perniagaan.
- Fasal 6.3 nakhoda menentukan jumlah cukai yang dikenakan terhadap penumpang iaitu 1/10 dari hasil penumpang.

**1.4 Peranan Pemerintah dan Rakyat.**

- Hubungan pemerintah dan rakyat sejak Zaman KMM selaras dengan konsep waadat.
- Hubung kait pemerintah dan rakyat
- Rakyat yang bernaung di bawah sultan dan pembesar.
- Ia berfungsi menggerakkan jentera kerajaan dan sistem pemerintahan.
- Hubungan timbal balik mengukuhkan pemerintahan yang membawa kegemilangan.
- Perjanjian antara Demang Lebar Daun (golongan diperintah) dengan Sang Sapurba (golongan pemerintah)

1. Golongan Pemerintah

- Sultan - Pembesar - Kerabat raja – Ulama.
- Peranan Sultan.
- Menaungi dan menjaga keselamatan rakyat negeri
- Mewujudkan perpaduan rakyat
- bertanggungjawab terhadap kemakmuran serta kestabilan kerajaan.
- memperkenalkan undang-undang untuk mengawal rakyat

- Peranan Pembesar
- memelihara keamanan dan kebajika rakyat di kawasan pegangan.
- menjadi perantara antara sultan dengan rakyat
- mengutip hasil melalui sistem serah.
- membekalkan tenaga tentera melalui sistem kerah

- Golongan diperintah
- Rakyat.
- Terdiri dari peniaga, petani, tukang dan nelayan.
- Hamba terdiri dari hamba raja, hamba berhutang
- Peranan rakyat.
- setia kepada pemerintah.
- mematuhi arahan pemerintah
- tidak menderhaka kerana takut ditimpa tulah
- menjadi tentera
- menghadiri majlis umum seperti gotong-royong, pengayuh atau pendayung kapal.
- menyumbang tenaga kerja melalui sistem kerah seperti membina istana atau jalan

**Latihan objektif.**

**1**

Proses pembentukan negara bangsa Kerajaan Alam Melayu mengambil masa yang lama dan melalui beberapa tahap

Berdasarkan penyataan di atas, apakah ciri – ciri negara bangsa Kerajaan Alam Melayu sebelum kedatangan barat.

A Kedaulatan
B Lambang negara
C Wilayah Pengaruh
D Permuafakatan

**2.** Undang – undang merupakan aspek penting dan dijadikan panduan dalam pentadbiran sebelum kedatangan barat

Apakah kepentingan undang – undang dalam Kerajaan Alam Melayu

A Menjamin keamanan negara
B Mengelakkan malapetaka
C Mengukuhkan persahabatan
D Memajukan negara

**3**



Gambar 1

Gambar 1 diatas inskripsi telaga batu yang terdapat dalam kerajaan srivijaya.

Apakah kepentingan inskripsi tersebut

A Lambang negara
B Lambang keamanan
C Menunjukkan perpaduan
D menunjukkan kesetiaan

**4**

Kedaulatan

Pernyataan berikut merujuk kepada ciri – ciri negara bangsa kesultanan melayu melaka

Antara berikut manakah berkaitan konsep di atas

A Mengukuhkan diplomatik
B Melambangkan identiti negara
C Menghindari campurtangan asing
D Menggalakkan pembinaan empayar

**5**

Hukum kanun melaka
Undang – undang laut melaka

Berikut adalah undang – undang bertulis pada zaman kesultanan melayu melaka.

Apakah kepentingan undang – undang tersebut.

I Mengukuhkan kerajaan
II Mengukuhkan kesetiaan
III Mengukuhkan bangsa
IV Melindungi rakyat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

**6** Pahang, kuala linggi, Kelantan, rokan, inderagiri dan Kampar adalah wilayah melaka pada zaman kegemilangan kesultanan melayu melaka.

Bagaimanakah wilayah berikut di perolehi

A Melalui peperangan
B Melalui perjanjian
C Melalui perkahwinan
D Melalui pajakan

**7** Sultan memberi kuasa memerintah atau mentadbir sesuatu wilayah, sungai atau pulau kepada pembesar berempat.
Kawasan ini dikenali
A Kawasan pemakaman
B Kawasan jual beli
C Kawasan pelabuhan
D Kawasan pegangan

**8** Sistem pentadbiran kesultanan melayu melaka mempunyai dua peringkat iaitu pentadbiran pusat dan peringkat jajahan.

Siapakah yang pembesar  pentadbiran di peringkat pusat.

A Syahbandar
B Bendahara
C penghulu
D Bentara

**9** Kesultanan Melayu Melaka mempunyai kemudahan sistem kewangan yang sistematik untuk urusan perdagangan

Apakah tanggungjawab syahbandar dalam pentadbiran Kesultanan Melayu Melaka

A Mengutip cukai
B Ketua turus rentera
C Panglima tentera laut
D Menguruskan perbendaharaan

**10** Kesultanan Melayu Melaka mengandungi dua undang – undang iaitu Hukum Kanun Melaka dan Undang – undang Laut Melaka.

Kedua – dua undang di atas berasaskan…

I Undang syariah
II Undang sivil
III Hukum karma
IV Hukum adat

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

**11** Undang – undang Laut Melaka diusahakan oleh beberapa orang nakhoda seperti Nakhoda Jenal, Nakhoda Diri Dan Nakhoda Ishak.

Siapakah yang memperkenankan undang – undang ini.

A Sultan Muzaffar Syah.
B Sultan Mansur Syah
C Sultan Alauddin Syah
D Sultan Mahmud Syah

**12**

| |
|---|
| Fasal 6.3, nakhoda menentukan jumlah cukai terhadap penumpang |

Berapakah kadar cukai tersebut.

A Dua persepuluh
B Tiga persepuluh
C Satu persepuluh
D Empat persepuluh

**13** Golongan pemerintah terdiri daripada sultan, pembesar, kerabat diraja dan ulama.

Apakah peranan pembesar dalam pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka

A Menjaga keselamatan rakyat
B Memperkenalkan undang - undang
C Memelihara keamanan negara
D Menjaga keselamatan rakyat

**14**

| |
|---|
| Menghadiri majlis umum seperti gotong-royong, pengayuh atau pendayung kapal. |

Amalan berikut berkaitan dengan kesetiaan rakyat terhadap pemerintah dalam Kesultanan Melayu Melaka

Apakh nilai yang dapat ditonjolkan oleh rakyat dalam pemerintahan tersebut.

A Pengorbanan.
B Kesetiaan
C Keberanian
D Toleransi

**15** Hubungan baik antara pemerintah dengan rakyat memainkan peranan penting  dalam menjamin kesajahteraan rakyat.

Sebagai rakyat, mengapa hubungan ini perlu di jaga.

A Mengelakkan malapetaka
B Mendapat pahala
C Mengelak dijajah
D Mengekalkan keamanan negara

**LATAR BELAKANG NEGARA BANGSA SEBELUM KEDATANGAN BARAT**

Carta berikut adalah berkaitan ciri – ciri negara bangsa sebelum kedatangan barat.

**CIRI – CIRI NEGARA BANGSA ALAM MELAYU**

| **RAJA** | **X** | **WILAYAH PENGARUH** | **RAKYAT** |
|---|---|---|---|

a. Apakah x : ______________________________________________

( 1 markah )

b. Jelaskan ciri – ciri **X** dalam ( a ) diatas

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 3 markah )

c. Nyatakan fungsi raja dalam kerajaan Alam Melayu?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 3 markah )

d. Sebagai sebuah negara yang merdeka dan berdaulat. Mengapakah kita mesti menanamkan kesetiaan kepada raja dan negara

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 3 markah )

**CIRI – CIRI NEGARA BANGSA KESULTANAN MELAYU MELAKA.**

Kesultanan Melayu Melaka telah memberi gambaran yang jelas tentang kepentingan pembinaan dan perkembangan sesebuah negara bangsa.

a. Mengapakah pembinaan negara bangsa penting bagi Kesultanan Melayu Melaka?.

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

( 2 markah )

b. Rakyat merupakan elemen penting dalam Kesultanan Melayu Melaka.

Jelaskan.

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

( 2 markah )

c. Kekuasaan dan kewibawaan seseorang pemerintah boleh dirujuk kedaulatannya.

Mengapakah kedaulatan penting bagi sesorang raja?

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

( 3 markah )

d. Mengapakah undang-undang penting kepada sesebuah negara?

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

______________________________________________________________________

( 3 markah )

**KEUNGGULAN SISTEM PENTADBIRAN DAN UNDANG – UNDANG**.

Keunggulan dan keagungan Kesultanan Melayu Melaka adalah berasaskan keunggulan sistem pentadbiran dan undang – undangnya yang tersendiri.

a. Pentadbiran pusat terdiri daripada pembesar berempat seperti bendahara, penghulu bendahari, temenggung dan laksamana.

Apakah fungsi bendahara?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 3 markah )

b. Bagaimanakah Kesultanan Melayu Melaka mendapat sumber pendapatan ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 3 markah )

c. Sebagai seorang pemimpin negara, bagaiamana usaha yang anda lakukan untuk memajukan kegiatan perdagangan?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 4 markah

**PERANAN PEMERINTAH DAN RAKYAT**

Rakyat umpama akar, yang Raja umpama pohon : jikalau tiada akar nescaya pohon tiada akan dapat berdiri demikian lagi raja itu dengan segala rakyatnya.

Pernyataan diatas hubung kait pemerintah dan rakyat.

a. Apakah tanggungjawab sultan terhadap rakyatnya?

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

( 3 markah )

b. Bagaimanakah rakyat membuktikan kestiaanya kepada raja?

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

( 3 markah )

c. Mengapakah institusi raja di negara kita perku dipertahankan ?

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

______________________________________________________________________________

( 3 markah )

## BAB 2: KEBANGKITAN NASIONALISME

### 2.1 Maksud Nasionalisme

**Maksud Nasionalisme**

- Perasaan cinta terhadap bangsa dan negara
- Semangat perjuangan menentang penjajah
- Pembelaan terhadap bangsa dan negara.
- Mencapai kebebasan politik, ekonomi dan sosial.
- Idea nasionalisme tidak sama antara negara dan zaman.
- Berkait rapat dengan pengalaman sejarah dan pengaruh sekeliling.

**Pendapat Tokoh / Sejarawan Berkaitan Nasionalisme.**

**1. Hans Kohn.**

- Gerakan yang meletakkan kesetiaan seseorang hanya kepada negara @ bangsanya.

**2. Professor William R. Roff**

- Kesedaran dan ketegasan diri pada dekad terakhir sebelum Perang Dunia kedua.
- Disebabkan ancaman terhadap kepentingan orang Melayu serta faktor ekonomi.
- Kebimbangan terhadap sekularisme dan imperialisme Barat Tanah Melayu.

**3. Dato' Onn Jaafar**

- Menzahirkan suatu bangsa lebih tegap dan kuat.
- Boleh berdiri di atas tapak kaki kita sendiri.
- Mengambil tempat yang sebenar di sisi bangsa - bangsa lain yang tegap dan Bersatu.

**4. Dr. Burhanuddin al-Helmi**

- Perjuangan menentang penjajah.
- Hendaklah persatuan dan perpaduan yang kuat.
- Menentang penjajahan untuk mencapai kemerdekaan.
- Berpegang kepada tatatertib dan adab sopan bangsa Melayu serta agama Islam.
- Menebus, merebut dan merampas kembali hak mutlak bangsa kita yang telah ditenggelamkan.

**5. Dr. R. Suntharalingam**

- Fenomena sejagat yang mengiktiraf hak setiap bangsa di dunia ini.
- memindahkan kedaulatan kepada rakyat.
- Menuntut kesetian individu disalurkan kepada negara bangsa.

**6. Professor Datuk Zainal Abidin Abdul Wahid**

- Nasionalisme Melayu bukan gejala baharu tetapi telah wujud sejak zaman Kesultanan MelayuMelaka.
- Kesetian kepada raja merupakan ciri nasionalisme Melayu.
- Fahaman kebangsaan yang bersifat ke "Tanah Melayuan "

7. **Profesor Emeritus Tan Sri Dr. Khoo Kay Kim**

- Nasionalisme merujuk perjuangan orang Melayu bagi mendapatkan kembali kedudukan unggul dalam negara sendiri.

**Kesimpulan / Tafsiran Umum**

- Nasionalisme mempunyai pelbagai tafsiran
- Berdasarkan sejarah, corak perjuangan dan karisma pemimpin yang mendukung perjuangan.
- Berkait rapat dengan perasaan cinta akan negara yang mencetuskan keinginan membina negara bangsa dan melahirkan identiti sendiri.
- Gerakan untuk melahirkan perasaan kekitaan dengan menggunakan persamaan kebudayaan dan pengalaman sejarah untuk membebaskan bangsa dan negara dari penjajahan.
- Menuju matlamat sama iaitu membina bangsa yang bersatu dan negara berdaulat.

### 2.2 PERKEMBANGAN IDEA NASIONALISME DI BARAT.

**Nasionalisme Di Barat**

- Berkembang hasil penentangan terhadap pemerintahan beraja - simbol penindasan yang menggugat hak dan kebebasan rakyat.
- Contoh Revolusi Keagungan di England dan Revolusi Perancis.
- Dikaitkan dengan perjuangan untuk memperoleh kemerdekaan daripada penjajahan kuasa asing seperti Revolusi Amerika.

**Pemikiran John Locke ( ahli falsafah Inggeris )**

- Selepas penggubalan Bill of Rights.
- Beliau menghasilkan karya *Two Treatises of Goverment* yang mempopularkan prinsip raja berpelembagaan.
- Beliau menolak sistem raja berkuasa mutlak
- Menegaskan kerajaan patut diasaskan pada persetujuan antara pemerintah dan rakyat.
- Undang-undang perlu digubal bagi memenuhi hak asasi manusia

**Perkembangan Idea Nasionalisme**

1. **Revolusi Keagungan (Glorious Revolution) 1688 di England**

- Keinginan menegakkan kedaulatan parlimen dan hak asasi rakyat.
- Pemerintahan Raja James II membelakangkan parlimen semasa menggubal undang – undang.
- Ahli parlimen menentang raja berkuasa mutlak.
- Disokong Mary II dan suami Raja William of Orange dari Belanda.
- Menyedari sokongan semakin kurang Raja James II lari ke Perancis.
- Peristiwa dikenali Revolusi Keagungan kerana peralihan kuasa secara aman tanpa pertumpahan darah.
- Bill of Rights digubal untuk memberikan keutamaan kepada parlimen menggubal undang-undang dan hak mengutip cukai.

2. **Revolusi Amerika (1776)**

- **R**eaksi orang Amerika menentang British kerana tidak melindungi hak penduduk Amerika.
- Menentang akta memungut cukai di jajahan - Akta Pelayaran, Akta Gula, Akta Setem dan Akta Teh.
- Guna slogan "tiada cukai tanpa perwakilan" kerana tiada wakil Amerika dalam Parlimen British.
- George Washington mengetuai kongres dan isytihar perang terhadap British untuk memperjuangkan kemerdekaan Amerika.
- Kongres meluluskan Pengisytiharan Kemerdekaan Amerika yang menegaskan.
- Revolusi berakhir 1783 - British mengakui kemerdekaan Amerika.
- 113 buah bekas tanah jajahan digabung dan diberi nama baru sebagai Amerika Syarikat yang perkenalkan demokrasi.

3. **Revolusi Perancis 1789**

- Idea nasionalisme yang perjuangkan kebebasan, persamaan dan persaudaraa oleh pemikir Perancis - Jean Jacques Rousseau dan Voltaire.
- Peranan Rousseau telah menulis The Social Contract.
  - Keunggulan suara rakyat bagi menjamin kesejahteraan masyarakat.
  - Suara rakyat adalah merupakan kata sepakat golongan yang mempunyai kesedaran.
  - Kedaulatan suara rakyat lebih penting daripada institusi raja dan birokrasi
- Sasaran golongan revolusi adalaht terhadap pemerintah autokratik Raja Louis XVI dan golongan bangsawan.
  - Golongan ini memonopoli pelbagai keistimewaan sebaliknya rakyat terbeban dengan cukai
  - Menggempur penjara Bastile.
  - Membebaskan tahanan politik.
  - Menggulingkan Raja Louis XVI
- Kesan revolusi - Kemunculan Republik Perancis yang menamatkan sistem beraja di Perancis.

**2.3 PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA**

- Kesinambungan idea nasionalisme di Barat.
- Kedatangan dan penjajahan kuasa eropah di asia telah mencetusakan kebangkitan nasionalisme.

1. **Nasionalisme di India.**

- Reaksi penduduk tempatan terhadap dasar imperialisme British.
- Kebangkitan rakyat dalam Dahagi India 1857.
  - Dilancarkan oleh sepoi / askar upahan British berbangsa India.
  - Merupakan reaksi kepada ancaman pengaruh British terhadap adat, budaya dan agama masyarakat setempat
- Awalnya, memberikan perhatian kepada isu sosioagama.
- Brahmo Samaj dan Arya Samaj - pertubuhan penting yang menggiatkan rasa kecintaan kepada budaya tempatan kesan dari pengaruh budaya Barat
- Perkembangan pendidikan Barat membawa kemunculan golongan intelek yang memulakan gerakan lebih tersusun dengan menubuhkan Kongres Kebangsaan India (INC) pada 1885 dan Liga Muslim pada 1906
- Gerakan bersifat radikal oleh Bal Gangadhar Tilak dan Bipin Chandra Pal secara militan terhadap British
- INC dan Liga Muslim bentuk jawatakuasa khas bagi merangka rancangan pembahagian India iaitu India dan Pakistan.
- 14 Ogos 1947 Pakistan diumum merdeka dengan Muhammad Ali Jinnah sbg Gabenor Jeneral Pakistan.
- 15 Ogos 1947 India umum merdeka dengan Jawaharlal Nehru sebagai Perdana Menteri Pertama India

2. **Nasionalisme China**
- Bertujuan mengukuhkan peradaban China dalam kalangan org Cina daripada ancaman penguasaan politik dan ekonomi oleh kuasa asing.
- Perkembangan bermula dengan penentangan terhadap kelemahan dinasti Manchu yang dianggap orang luar dan kehilangan mandate.
- Rakyat hilang kepercayaan terhadap Dinasti Manchu yang gagal menghalang kemasukan pengaruh Barat
- Gerakan seterusnya bercorak anti - Barat kerana menentang campurtangan kuasa Barat di China
- Peranan Sun Yat Sen.
- \- mengemukakan Tiga Prinsip Rakyat (San Min Chu-i) sebagai ideologi - nasionalisme, demokrasi dan kebajikan sosial.
- \- Menjadi asas kepada Revolusi China 1911 yang berjaya menumbangkan Dinasti Manchu.
- \- Muncul pemerintahan republik di China.

3. **Nasionalisme Empayar Uthmaniyah dan Mesir**
- Kesedaran mempertahankan sistem pemerintahan Islam dan agama Islam
- Mencetuskan gerakan Pan-Islamisme dan gerakan Islah
- Gerakan Islah
- \- Gerakan pemulihan Islam.
- \- Dipelopori Sayyid Jamal al-Din al-Afghani dan Sheikh Muhammad Abduh.
- \- Pertembungan budaya Eropah - Amerika dengan budaya tempatan.
- \- Menyeru umat Islam berpegang pada ajaran Islam sebenar yang berpandukan al-Quran dan Hadis.
- **Gerakan Pan - Islamisme**
- \- Peranan Sayyid Jamal al-Din al-Afghani menubuhkan kumpulan al-Urwah al-Wuthqa (Ikatan yang Kuat).
- \- Memperkuat rasa persaudaraan dan umat yang maju.
- \- Menerbitkan akhar al-Urwah al-Wuthqa.
- \- Untuk sebar idea penyatuan persaudaraan umat.
- \- Bangkit menentang perluasan kuasa Barat.
- \- Empayar Uthmaniyah keluarkan fatwa menyeru umat Islam yngg tindas Barat bangkit berjuang bersama empayar Uthmaniyah.
- \- Khalifah Abdul Hamid II - Menggerakkan idea dan mendapat sokongan termasuklah Tanah Melayu seperti Kebangkitan Tok Janggut 1915.

**Nasionalisme di Jepun**
- Kesedaran untuk mencapai kemajuan.
- mengelakkan ancaman imperialisme Barat.
- Pemulihan Meiji
- \- Dilancarkan oleh Maharaja Mikado Meiji (1868).
- \- Menekankan pemodenan mengikut model Barat.
- \- Supaya Jepun dihormati kuasa Barat.
- \- Prinsip dan semangat bushido - asas membina nasionalisme rakyat dan semasa era Pemulihan Meiji
- \- Pemulihan meliputi pembaharuan dalam aspek kehidupan yang menjadikan Jepun sebagai negara industri dan kuasa tentera
- \- Desakan ekonomi dan nasionalisme melampau oleh tentera menjadikan Jepun sebagai kuasa imperialis di Asia

***Semangat Bushido - Sikap sanggup menanggung risiko, bersungguh² mencapai cita² - Sedia berkorban demi melaksanakan tanggungjawab terhadap ketua dan negara***

**2.4 PERKEMBANGAN NASIONALISME DI ASIA TENGGARA**
- Gerakan membebaskan diri daripada penjajahan barat
- Di Thailand – Bersifat menuntut pembaharuan dalam pentadbiran ke arah mengekalkan kedaulatan negara

1. **Nasionalisme di Filifina**
- Untuk menghapuskan penjajahan asing.
- Tokoh - Jose Rizal, Andres Bonifacio, Emilio Aguinaldo Peranan Jose Rizal.
- Awal berbentuk Gerakan Propaganda.( Jose Rizal )
- \- Filipina dijadikan sebahagian wilayah Sepanyol.
- \- Hak yang sama seperti bangsa Sepanyol.
- \- menubuhkan Liga Filipina 1892.
- \- Mendesak Sepanyol melakukan perubahan politik, ekonomi dan sosial
- Kegagalan Propaganda mencetuskan idea lebih radikal.
- \- Menubuhkan Katipunan untuk memperoleh merdeka melalui revolusi.
- \- Menggunakan akhbar Kalayan untuk sebar idea revolusi.
- \- Bonifacio bersama Aguinaldo memimpin Katipunan melancarkan Revolusi Filipina 1896.
- \- Aguinaldo bekerjasama dengan Amerika Syarikat dan berjaya usir Sepanyol.
- \- Pengisytiharan Kemerdekaan Filipina oleh Aguinaldo 1899 tidak diiktiraf Amerika Syarikat sebaliknya di bawah Amerika Syarikat

- Dibawah penjajahan Amerika Syarikat.
- Nasionalis ubah strategi dengan mengguna saluran diplomasi melalui parti politik sederhana.
- Membolehkan Sergio Osmena (Parti Nasionalis) dilantik anggotai Dewan Perhimpunan Filipina 1907
- Gerakan kemerdekaan diteruskan nasionalis sehingga Perang Dunia ke-2

**2. Nasionalisme Burma (Myanmar )**

- Perjuangan golongan kelas menengah, sami Buddha (pongyi), Thakin (siswazah universiti) dan petani .
- Nasionalisme golongan kelas pertengahan berpendidikan Barat disebabkan pengaruh British mengancam kedudukan agama Buddha
- Peranan Persatuan Belia Buddha 1906
- Untuk mengekalkan tradisi Buddha, pendidikan dan kebudayaan Burma.
- Menggunakan isu kasut
- Dianggap mencemari kesucian agama Buddha.
- Majlis Persatuan Am Kesatuan Burma.
- Memperjuangkan bangsa Burma
- Berlaku revolusi pelajar - menuntut penubuhan university.
- Golongan sami Buddha menubuhkan Majlis Am
- mencetuskan Pemberontakan Saya San.
- Mendapat sokongan petani yang terbeban dengan pelbagai cukai
- Pengenalan Perlembagaan Burma 1935
- memisahkan Burma dan India.
- merangsang perjuangan ke arah berkerajaan sendiri
- Peranan Golongan Thakin
- Menubuhkan Parti Do Bama Asiayone
- Memperjuang kemerdekaan Burma.
- Pemimpin parti spt Aung San, Kyaw Nein dan U Nu menggelar diri sebagai "Thakin" (Tuan).
- Mnegaskan org Burma mesti bertuankan org Burma.
- Dr. Ba Maw memenangi pilihanraya 1937 dilantik sebagai Perdana Menteri pertama.

**3. Nasionalisme di Vietnam**

- Akibat perubahan sosiopolitik dan sosioekonomi selepas kedatangan Perancis -1918.
- Dipelopori golongan bangsawan dan pegawai dari golongan mandarin.
- Pembesar yang menerima pendidikan Confucius.
- Mereka memperjuangkan pemulihan sistem beraja.
- Golongan intelektual meningkatkan kesedaran politik dan gerakan anti-Perancis.
- Idea disalurkan melalui akhbar Tribune Indige dan Cloche Felee yang mengkritik penindasan Perancis
- Menuntut hak rakyat Aliran ideologi.
- Bercorak revolusi yang didokong dua aliran ideologi
- Nasionalisme - Parti utama ialah Viet Nam Quoc Dang Dang (VNQDD) atau Parti Nasionalis Vietnam pimpinan Nguyen Thai Hoc.
- Komunisme - Diterajui Parti Komunis Vietnam (PKV) pimpinan Ho Chi Minh
- Perjuagan VNQDD
- Berteraskan demokrasi, nasionalisme dan sosialisme
- Melancarkan pemberontakan 1930 untuk mengusir Perancis.
- Menubuhkan republik Vietnam.
- Perancis melumpuhkan gerakan - menangkap pemimpin VNQDD dan menghukum Nguyen Thai Hoc
- Perjuangan Parti Komunis Vietnam
- Ho Chi Minh berjaya isytiharkan kemerdekaan Republik Demokratik Vietnam.
- Beliau dilantik sebagai presiden pertama.
- Vietnam Selatan berpusat di Saigon berada di bawah Perancis dan Amerika Syarikat.
- Gerakan menentang Barat diteruskan sehingga Republik Vietnam terbentuk 1976.

**4. Nasionalisme Di Indonesia**

- Berkisarkan Isu pendidikan untuk mengubah nasib rakyat akibat dasar Belanda
- Peranan Adjeng Kartini sebagai **p**elopor perjuangan untuk memajukan pendidikan wanita.
- Karya (surat) diutuskan kepada rakan di Eropah dibukukan dan diterbitkan berjudul Hilang Gelap Terbitlah Terang.
- Karya diterjemah ke bahasa Inggeris dengan judul Letters of Javanese Princess.
- Karya mendedahkan dasar diskriminasi Belanda yang menindas dan membawa kemunduran.
- Peranan Pertubuhan Muhammadiyah - Lebih tersusun untuk mempertahankan agama Islam dari ancaman sekularisme Barat.
- Sarekat Islam - lebih radikal - memperjuang kemerdekaan.

- Partai Nasionalis Indonesia ( PNI ) – Sebuah parti yang berpengaruh di bawah pimpinan Soekarno.
- Kongres pemuda Indonesia melajirkan ikrar " sumpah pemuda " yang menjadi tonggak nasionalisme.
- Tiga asas sumpah tersebut – ***satu tanah air, satu bangsa dan satu Bahasa.***

**Partai Nasional Indonesia. ( PNI )**

- Pelajar Indonesia di Belanda menubuhkan Perhimpunan Indonesia berjuang ke arah merdeka.
- Tegas tidak bekerjasama dgn Belanda –
- Perhimpunan berjaya mendapat sokongan.
- Ahli perhimpunan pulang ke Indonesia dan menubuhkan kelab pelajar di beberapa bandar
- Kelab sebagai pusat perbincangan dan idea perjuangan.
- Paling aktif Kelab Pelajar Bandung.
- Soekarno menubuhkan Perserikatan Nasional Indonesia pd 4 Jun 1927.
- Menukar nama kepada Partai Nasional Indonesia (PNI) pimpinan Soekarno dan dibantu Ir. Anwari, Iskaq Tjokrohhadisoerjo, Sunarjo, Dr. Tjipto Mangunkusumo dan Ali Sastroamidjojo.
- Matlamat

- Menuntut kemerdekaan mutlak.
- Menyatukan rakyat melalui gabungan parti politik
- Membentuk kerajaan demokrasi berparlimen yang bertanggungjawab kepada rakyat.
- Memartabatkan bahasa Indonesia sebagai bahasa rasmi Perjuangan PNI.
- Secara radikal untuk capai matlamat bebaskan Indonesia dr Belanda.

- Usaha - Usaha PNI

- Tidak bekerjasama dgn Belanda.
- Sebar idea melalui akhbar Banteng Priangan di Bandung dan Persatuan Indonesia di Jakart.
- Keluar ikrar "Sumpah Pemuda" yang menekankan "semua rakyat Indonesia adalah sebangsa, sebahasa dan senegara".
- Soekarno menyatukan rakyat dan PNI dapat sambutan.
- PNI gabungkan parti sedia ada seperti Kelab Pelajar Surabaya, Budi Utomo, Pasundan, Ikatan Sumatera, Sarekat Islam dan Kaum Betawi

**5. Nasionalisme Thailand**

- Berbeza dengan negara lain yang bersifat antipenjajah dan kemerdekaan.
- bertujuan mempertahankan kedaulatan negara serta tuntut penglibatan rakyat dlm pemerintahan
- Dipelopori Raja Thailand melalui diplomasi dan pemodenan.

**Peranan Raja Mongkut**

- Membina hubungan baik dengan Barat seperti British, Amerika Syarikat dan Perancis
- Langkah pemodenan dengan melaksanakan birokrasi Barat.
- Penasihat Barat dibawa untuk mellatih pegawai tempatan dalam bidang kewangan, pelabuhan, kastam, ketenteraan dan polis.
- Guru Barat dari British untuk melaksanakan pendidikan Barat.
**1. Pentadbiran MU**

- Negeri-negeri Melayu Bersekutu, Negeri-negeri Melayu Tidak Bersekutu dan Negeri-negeri Selat kecuali Singapura disatukan menjadi satu unit pentadbiran.
- Diketuai Gabenor Jeneral yg dilantik Raja England .

- Majlis Eksekutif dan Majlis Perundangan MU di bawah kawalan Pesuruhjaya Tinggi British.
- Sultan menjadi Ahli Majlis Raja-raja yang hanya bincang soal agama dan adat istiadat Melayu.

**2. Kewarganegaraan.**

- Melalui prinsip Jus Soli.
- Rakyat yang lahir di Tanah Melayu dan Singapura .
- Mereka umur 18 tahun ke atas, bermastautin selama 10 tahun hingga 15 tahun.
- Mereka yang berumur kurang daripada 18 tahun yang ibu bapanya warganegara turut diberi warganegar.

- *MU merupakan usaha penjajah untuk menakluk TM. MU mengubah status TM dari naungan kepada Tanah Jajahan.*
- *kita perlu menolak sebarang penjajahan demi kedaulatan walau nyawa jadi taruhan*

**Kronologi Pelaksanaan Malayan union**

| | |
|---|---|
| Febuari 1943 | - Unit Perancangan Tanah Melayu dibentuk di London |
| 25 april 1945 | - Rancangan MU dibentangkan di Parlimen British<br>- Persatuan Pelajar Melayu Britain hantar memorandum.<br>- Meminta supaya hak kewarganegaraan di Tanah Melayu tidak mengikut prinsip Jus Soli.<br>- Tan Cheng Lock dan Persatuan Cina Seberang Laut hantar memorendum kpd British berkait dgn masa depan Tanah Melayu. |
| 22 januari 1946 | - Kertas Putih 6274 membentangkan 13 perkara kandungan MU yang diluluskan Parlimen British di London<br>- Antaranya konsep kesatuan, bentuk pentadbiran, sistem perundangan, kedudukan Raja-raja Melayu, syarat kewarganegaraan, agama Islam.<br>- Rancangan MU disiarkan dlm Warta Kerajaan |
| 1 april 1946 | - MU dilaksanakan di Tanah Melayu |

**British Mendapatkan Tandatangan Sultan**

- British melantik MacMicheal untuk mendapat tandatanbgan sultan.
- British menghantar H.C. Willan merintis jalan mengadap raja-raja melayu untuk meninjau sokongan raja-raja melayu**.**

- Willian menjalankan tugasnya dari 8 Sept-29 Sept 1945
- Sultan pertama ditemui ialah Sultan Johor.
- Menemui Sultan Selangor, Sultan Kedah dan Menemui Syed Hussin, Setiausaha kerajaan Perlis dan mengadap Raja Perlis di Kangar.
- Mengadap Sultan Perak dan mengadap yang di-pertuan besar negeri Sembilan.
- Mengadap Sultan Pahang dan Menemui Dato' Jaya Perkasa Che Da Omar Mahmud (Menteri Besar Terengganu sebelum menemui Sultan Ali )
- Mengadap Sultan Kelantan
- Dalam laporannya, beliau mempunyai keyakinan tinggi bahawa Raja - raja Melayu akan sokong British dengan menandatangani Perjanjian MU.
- Pada setiap pertemuan Willan berusaha memastikan sokongan Raja - raja Melayu untuk tandatangan perjanjian.
- Misi Willan memudahkan tugas MacMichael.

Misi Sir Harold MacMicheal Mendapatkan tandatangan Sultan

| | |
|---|---|
| 11 Okt 1945 | • MacMicheal tiba di Port Swettenham.<br>• MacMicheal menerima tentangan Raja – raja Melayu.<br>• Dalam tempoh dua bulan beliau berjaya dapatkan tandatangan sembilan Raja-raja Melayu |
| 18 Okt 1945 | • Membuat kunjungan ke negeri Melayu.<br>• Menghadap Sultan Johor. |
| 20 Okt 1945 | • Sultan Ibrahim menurunkan tanda tangan |
| 24 Okt 1945 | • Menghadap Sultan Selangor dan turunkan tandatangan |
| 31 Okt 1945 | • Menghadap Sultan Pahang |
| 2 Nov 1945 | • Sultan Pahang terpaksa menurunkan tandatangan |

| | |
|---|---|
| 14 Nov 1945 | • Menghadap YDPB Negeri Sembilan dan 4 orang Undang.<br>• Baginda turunkan tandatangan setelah didesak MacMicheal walaupun enggan |
| 22 Nov 1945 | • Menghadap Sultan Perak<br>• Baginda cuba lengahkan masa untuk tandatangan.<br>• Namun akhirnya terpaksa turunkan tandatangan |
| 29 Nov 1945 | • Menghadap Sultan Kedah.<br>• Berlaku perdebatan antara kedua pihak. |
| 2 Dis 1945 | • MacMicheal berjaya dapatkan tandatangan Sultan Kedah |
| 4 Dis 1945 | • Raja Perlis menurunkan tandatangan setelah didesak MacMicheal |
| 15 Dis 1945 | • Menghadap Sultan Kelantan.<br>• Beliau ugut untuk tidak iktiraf Raja-raja Melayu yang enggan tandatangan |
| 17 Dis 1945 | • Sultan Kelantan beralah dan setuju tandatangan |
| 21 Dis 1945 | • Menghadap Sultan Terengganu.<br>• Pada mula enggan kerana bertentangan dengan Undang-undang Tubuh Negeri Terangganu namun akhirnya turunkan tanda tangan |

**4.3 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Malayan Union**

- Pengisytiharan MU 1 April 1946 dan memperkenalkan kertas putih telah menimbulkan pelbagai reaksi
- Malayan union ditentang oleh raja – raja Melayu, orang Melayu dan bekas pegawai British.

**1. Penentangan Raja – raja Melayu terhadap Malayan**

- **Union Reaksi Raja-raja Melayu.**
  - MU merupakan bentuk penjajahan mutlak British
  - Sultan Melayu hilang kedaulatan dan kuasa politik selama ini menjadi hak Raja-raja Melayu.
  - Raja-raja Melayu menyuarakan bantahan dan tentangan baginda melalui beberapa cara.

**Cara bantahan raja – raja melayu**

**a. Membawa Kes MU ke Mahkamah Tinggi England**

- Persidangan Raja – raja Melayu di Istana Iskandariah, Kuala Kangsar memutuskan bantahan melalui Mahkamah Tinggi di England.
- Sultan Perak, Sultan Kedah dan Sultan Johor akan berangkat ke England sekiranya diperlukan.
- Menurut Undang – undang, MacMicheal dapatkan persetujuan dari raja dengan cara tidak sah.

**2. Menghantar Surat Bantahan ke London**

- Sultan Kedah, Perak dan Johor utus surat bantahan kepada George Henry Hall.
- Mendakwa baginda diperdaya MacMicheal.
- Beberapa orang raja mendakwa diugut supaya turunkan tandatangan tanpa menyedari akibatnya.
- Memohon British masuhkan persetujuan yang ditandatangani.
- Tuanku Syed Putra Jamalullail mengirim telegram untuk menyuarakan rasa tidak puas hati terhadap MacMicheal.
- Baginda tidak diberi peluang mendapat nasihat dari pembesar negeri sebelum setuju

**3. Menyokong Kongres Melayu**

- Raja-raja melayu sokong kongres.
- Kongres bertujuan menunjukkan kesungguhan orang Melayu menolak MU.
- Sultan Hishamuddin Alam Shah derma $15 ribu kepada Persatuan Melayu Selangor sebagai tuan rumah Kongres Melayu Pertama dan merasmikan pembukaan kongres

**4. Permaisuri Perak Memimpin Gerakan Menentang MU**

- Ahli Parlimen British tiba di Kuala Kangsar, Perak tempat Sultan Iskandar bersemayam.
- Perhimpunan besar - besaran di Padang Bandar Diraja Kuala Kangsar.
- Raja dan rakyat bergabung menentang MU.
- Tuanku Permaisuri Perak, Raja Perempuan Kelsom ketuai barisan hadapan perarakan bersama wanita Perak.
- Perarakan melintasi Raja – raja Melayu, Ahli Parlimen British dan pemimpin Melayu di pentas.
- Mereka kagum dengan semangat Raja Perempuan.

**5. Memulaukan Upacara Pelantikan Gbenor MU**

- Raja-raja Melayu memulaukan upacara pelantikan Gabenor setelah perjumpaan dengan Dato' Onn Jaafar di Hotel Station.
- Memohon Raja - raja Melayu bersama rakyat boikot upaca pelantikan Gabenor MU.

- Ribuan berhimpun di Hotel Station melaungkan "Daulat Tuanku" dan "Hidup Melayu"' .
- Raja – raja Melayu nekad pulaukan perlantikan Gabenor MU Sir Edward Gent dan adakan sidang akhbar.

**Penentangan Rakyat terhadap Malayan Union.**

- BMA siarkan berita MU kepada rakyat.
- Akhbar Majlis menyiarkan pada 12 Okt 1945 sehari selepas ketibaan MacMicheal.
- Mencetuskan kesedaran nasionalisme.

**1. Bantahan Akhbar Melayu**

- Akhbar Utusan Melayu (Singapura), Majlis (K. Lumpur), Warta Negara (P. Pinang) menyuarakan bantahan dengan keras, mengecam dan mengutuk MU kerana merugikan orang Melayu .
- Menyeru orang Melayu mengadakan perhimpunan besar - besaran menolak MU.
- Melaporkan perkembangan berita penentangan terhadap MU.

*"Dari pandangan sepintas lalu dapatlah diketahui bahawa cadangan Malayan itu menguntungkan orang bukan Melayu. Hal ini amat mencemaskan fikiran dan perasaan orang Melayu mengenai hari depan mereka...Para Sultan hendaklah menimbangkan dengan sepenuh hati cadangan MU sebelum menyetujuinya"*
***( Sumber : diubah suai dari utusan melayu, 12 oktober 1945 )***

*Hari lahirnya MU itu adalah hari-hari yang sehabis-habis sedih bagi orang Melayu. Oleh itu, orang Melayu haruslah berkabung menandakan kesedihannya dan perbuatan berkabung itu mengandungi perasaan yang dalam maknanya bagi orang Melayu itu sendiri...Tuhan sentiasa menyertai pihak yang benar. Berkabunglah kerana kita terpaksa berkabung.*
*( sumber : diubah suai dari warta negara, 3 April 1945 )*

**2. Bantahan Cendikiawan**

- Tokoh Pentadbir Melayu sebagai penggerak orang Melayu menentang MU dengan pelbagai strategi.
- Dato' Onn Jaafar,Dato' Nik Ahmad Kamil,Za'ba, Tengku Mohamed,Dato' Abdul Wahab Abdul Aziz ( Panglima Bukit Gantang), Wan Md Yussof ( Panglima Kinta, Perak ) dan Dato Hamzah Abdullah serta Dato' Abdul Rahman Mohammad Yassin, pemimpin Melayu Johor membantah usaha British menjajah tanah melayu.

- **Bantahan wanita.**

- Tokoh wanita seperti Cikgu Zaharah Abdullah (Batu Pahat), Halimahton Abd Majid (Rembau), Saleha Mohd Ali (Selangor), Zaharah Tamin (Selangor), Datin Puteh Mariah Ibrahim Rashid (Perak) dan Hasnah Ishak (P. Pinang) – benteng hadapan menentang british.
- Di batu pahat – cikgu zaharah Abdullah – ahli pertubuhan pergerakan melayu semenanjung johor berucap membantah pelaksanaan Malayan union.

**3. Bantahan Persatuan Melayu**

- Persatuan melayu seperti Syarikat Bekerjasama Am Saiburi (SABERKAS), Persatuan Melayu Kedah. Perikatan Melayu Perak, Persatuan Melayu Selangor dan Persatuan Melayu Johor.
- Berjaya menghimpunkan org Melayu seluruh negara dan setiap lapisan masyarakat bantah MU.
- Persatuan melayu ditubuhkan atau diaktifkan semula sebagai tindak balas terhadap MU.
- Kemudiannya, menjadi penggerak menganjurkan rapat umum membantah MacMicheal mendapatkan tandatangan Raja – raja Melayu.

**Bantahan Bekas Pegawai British**

- Pegawai tadbir British yang pernah berkhidmat di Tanah Melayu.
- Mengkritik rancangan MU –
- Antaranya - Frank Swettenham,Roland Braddell, Cecil Clementi Smith, Richard Winstedt,Frederick Weld dan George Maxwell.

4**. Bantahan Di Negeri Kelantan, Kedah Dan Johor.**

- Bantahan Kelantan
- Pada 15 Dis 1945 - 10 ribu orang berhimpuan di Kota Bharu semasa MacMIcheal minta tandatangan Sultan.
- Bantahan Kedah.
- Pada19 Jan 1946 ribuan orngg Melayu Kedah berarak di Alor Setar
- Dianjurkan Kesatuan Melayu Kedah, SEBERKAS, Kesatuan Ulama Kedah dan Persatuan Melayu Kedah.
- Tuan Haji Hussain Che Dol Yang Dipertua Kesatuan Melayu Kedah dan Senu Abdul Rahman - Setiausaha Agung SABERKAS mengkritik kandungan Kertas Putih MU yang dianggap mencabul kedaulatan bangsa Melayu

- Bantahan di Johor.
- Pada Jan 1946 Lembaga Kesatuan Melayu Johor lancar gerakan menentang MU.
- Perhimpunan disertai Persatuan Melayu Johor.
- Ungku Omar Abdullah, Naib Presiden Lembaga Kesatuan Melayu Johor dan Dr. Hamzah berucap menentang MU.
- 10 Feb 1946 Pergerakan Melayu Semenanjung Johor di bawah Dato' On Jaafar berhimpun menentang MU.
- 20 ribu org Melayu berhimpun di Batu Pahat.
- Dato' Onn berucap gesa orang Melayu bangkit bersatu menentang British

**5. Mengadakan Kongres Melayu.**

**a. Di Kuala Lumpur**

- Penentangan gagasan Malayan union dianjurkan oleh Pemimpin persatuan Melayu.
- Bertujuan untuk menzahirkan penubuhan badan induk yang menjadi pemangkin menentang MU
- Pemimpin dan cendikiawan Melayu negeri bersetuju anjurkan Kongres Melayu.
- Bersepakat menubuhkan badan induk untuk menantang MU secara tersusun.
- Kongres diadakan di bangunan Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru, Kuala Lumpur pada 1- 4 Mac 1946.
- Sebabyak 41 buah pertubuhan Melayu hantar wakil untuk hadiri kongres.
- Bersetuju tubuhkan United Malays National Organisation (UMNO) utk menentang MU

**b. Kongres Melayu di Johor**

- Diadakan di Johor Bahru Johor pada 11 Mei 1946.
- Hasil Kongres ini, UMNO ditubuhkan di Istana Johor pada 11 Mei 1946.
- UMNO berperanan melaksanakan beberapa perkara penting untuk memajukan orang Melayu.
- Menjadi penggerak memupuk perpaduan orang Melayu di seluruh Tanah Melayu.
- Hari lahirnya MU dianggap "Hari Kematian"oleh orang Melayu.
- Peristiwa ini telah meruntun hati ribuan orang Melayu yang berhimpun memakai lilitan kain putih di songkok sebagai tanda berkabung

**6. UMNO Menganjurkan Bantahan Secara Besar²an**

- Tunjuk perasaan besar - besaran di adakan semasa Ahli Parlimen British L.D Gammans dan David Rees Williams membuat tinjauan penentangan MU
- Alor Setar Kedah
- Ribuan orang memenuhi tebing jalan raya dari Titi Bumbung Lima hingga bandar Alor Setar bantah MU
- Seramai 50 ribu menyertai rapat umum di bandar Alor Setar
- Padang Francis Light School, Pulau Pinang
- Rapat umum diadakan di Padang Francis Light School.
- Bawa sepanduk "Humbankan Perjanjian MacMicheal" yg pamer kebencian pada MacMicheal.
- Laungan "Hidup Melayu"
- Ipoh, Perak
- Orang ramai berhimpun di Pekan Ahad, Jalan Datuk, Ipoh, Perak.
- Bawa sepanduk "Kami Berkehendak Naungan, Bukan Penaklukan", "Jangan Kecewakan Kami"
- Laungan "Hidup Melayu"
- Kampung Baru Kuala Lumpur
- Ucapan pemimpin Melayu membantah MU sambut kedatangan Gammans dan Rees Williams dalam rapat umum di Padang Kelab Sultan Sulaiman, Kampung Baru,
- Klang, Selangor
- Orang Melayu berhimpun dan padang dan perkarangan Istana Alam Shah membantah MU
- Seremban, Negeri Sembilan
- Orang ramai berbaris panjang di jalan masuk istana.
- Bawa sepanduk "Kekalkan Takhta Kerajaan Raja² Melayu" dan "MacMichael ialah Imperialis"

**Laporan Gammans dan Rees Williams.**

- Laporan kepada Pejabat Tanah Jajahan London.
- Menyatakan bahawa sultan yang tandatangan perjanjian tidak menyedari akibat daripadanya.
- Mereka sokong sepenuhnya cadangan Raja - raja
- Bantahan membuka mata British terhadap keburukan MU

**4.4 Penyerahan Sarawak kepada Kerajaan British.**

- Sarawak diserahkan kepada British selepas perang dunia kedua.
- Menimbulkan pelbagai reaksi daripada penduduk tempatan.

- Pentadbiran Tentera di Sarawak.
- Setelah Perang Dunia kedua tamat, tentera Australia mendarat di Kuching.
- Memperkenalkan pentadbiran tentera iaitu British Borneo Civil Affairs Unit (BBCAU) 1946.
- British memperkenalkan BMA 1 Julai 1946.
- Vyner Brooke menyerahkan Sarawak kepada British.
- Mendapat tentangan masyarakat tempatan Sarawak.

**Faktor Penyerahan Sarawak kepada British**.

- Masalah Pewarisan Takhta.
  - Semasa Charles Brooke mewariskan takhta kepada Vyner Brooke, beliau wasiatkan Vyner supaya adakan rundingan dengan saudaranya Bertram Brooke dalam pentadbiran negeri.
  - Namun Vyner sering ketepikan Bertram dan membuat keputusan megikut kehendak sendiri.
  - Vyner Brooke tiada anak lelaki untuk menggantinya sebagai raja.
  - Beliau tua dan uzur
  - Vyner enggan lantik anak sudaranya Anthony Brooke ( anak Bertram Brooke ) menggantikannya.
  - Rela serah pada British.
- Desakan Kerajaan British.
  - Lord Moyne Setiausaha Pejabat Tanah Jajahan Mengarahkan Shenton Thomas supaya adakan perjanjian tambahan dengan Sarawak.
  - Untuk memberi kuasa kepada British untuk melindungi Sarawak jika diserang Jepun.
  - Nov 1941 Perjanjian tambahan dimeterai.
  - British mengawal pertahanan, hubungan luar dan pentadbiran Sarawak.
  - 19 Jun 1944, Pejabat Tanah Jajahan mendesak Vyner Brooke memberi kuasa lebih luas kepada British untuk meluaskan kuasa di Sarawak.
  - British dapat kuasai kekayaan ekonomi dan menjaga pelaburan British.
  - Pejabat Tanah Jajahan utus surat kepada Vyner tentang pendirian untuk menyerahkan Sarawak.
  - Akhirnya Vyner setuju serah Sarawak kepada British yang berupaya memajukan dan mengukuhkan pertahanan Sarawak.
- Masalah Kewangan.
  - Vyner Brooke hadapi masalah kewangan untuk pulihkan Sarawak selepas perang dunia kedua
  - Ekonomi Sarawak terjejas, lombong minyak musnah dan ladang getah terbiar.
  - Kemudahan pendidikan, kesihatan, jalan raya dan lapangan terbang perlu dibaiki.
  - Vyner Brooke tidak mampu bangunkan semula Sarawak / atau menyediakan kemudahan.

**Proses Penyerahan Sarawak kepada British.**

- Pejabat Tanah Jajahan mengutus surat kepada Vyner Brooke untuk tandatangan surat perjanjian dengan George Henry Hall, Setiausaha Tanah Jajahan.
- Vyner bersetuju menyerah Sarawak kepada British dan menghantar Gerard T. MacBryan untuk mendapat persetujuan ketua tempatan.
- Penyerahan dibuat tanpa pengengetahuan rakyat Sarawak.
- British arahkan Vyner mendapatkan kelulusan Majlis Negeri dan persetujuan rakyat Sarawak dahulu.
- British hantar dua orang ahli Parlimen iaitu Gammans dan Rees Williams untuk buat tinjauan .
- Hasil tinjauan itun mendapati :
  - Sebahagian besar rakyat Sarawak menentang.
  - Orang Cina sokong.
  - Terdapat penduduk yang tidak memahami maksud penyerahan .
  - Laporan Gammans dan Rees Williams berkaitan isu penyerahan di bawa ke Majlis Negeri untuk di undi.
  - Majlis Negeri mengeluarkan Rang Undang-undang Penyerahan.
  - Keputusan menunjukkan golongan propenyerahan menang dengan 19 undi sementara 16 undi menentang.
  - Taraf Sarawak sebagai negeri naungan British mansuh.
  - Sarawak sah sebagai Tanah Jajahan British.
  - Hari Penyerahan Sarawak diisytiharkan 1 Julai 1946 di Kuching.

### 4.5 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sarawak

- Penyerahan Sarawak mencetuskan reaksi yang berbeza menentang dan menyokong Penyerahan.

**Faktor penentangan penyerahan Sarawak**

- Dipimpinan Datuk Patinggi Abang Haji Abdillah.
- **Tindakan Vyner Brooke Bertentangan dengan Perlembagaan 1941.**
  - Prinsip Kelapan dalam Perlembagaan 1941 menyatakan pemerintahan sendiri akan diberikan kepada rakyat Sarawak.
  - Penduduk akan dibimbing untuk mentadbir negeri mereka sendiri.
  - Tindakan Vyner melanggar prinsip Kelapan.
  - Vyner menafikan hak rakyat untuk mendapatkan pemerintahan sendiri.
- **Vyner Brooke Mengetepikan Surat Wasiat Charles Brooke**.
  - Vyner membuat keputusan tanpa bincang dengan Raja Muda (Anthony Brooke) dan Tuan Muda (Bertram Brooke).
  - Golongan menentang penyerahan mahu memulihkan pemerintahan Dinasti Brooke supaya dapat menuntut merdeka dengan mudah.
- **Gerald T. MacBryan Menggunakan Muslihat.**
  - Gerald guna tipu muslihat seperti tekanan, desakan, pujukan dan sogokan untuk mendapat persetujuan dari ketua tempatan.

**Bentuk Penentangan Penduduk Tempatan.**

1. Mengadakan Persidangan

- Johari Anang dan Sharkawi Osman menganjurkan persidangan yang dihadiri oleh perwakilan seluruh Sarawak.
- Dipengerusi oleh Johari Anang.
- Objektifnya adalah untuk mengadakan demonstrasi pada setiap 1 Julai kerana menentang penyerahan Sarawak.
- Pertubuhan yang menyerertai persidangan ialah
  - Pergerakan Pemuda Melayu (PPM).
  - Barisan Pemuda Sarawak (BPS).
  - Persatuan Kebangsaan Melayu Sarawak (PKMS).
  - Persatuan Melayu Miri.
  - Kesetian Muda Matu.
  - Persekutuan Bumiputera
- Orang Dayak menubuhkan Sarawak Dayak Association (SDA) dengan 500 ahli

2. Mengadakan Demonstrasi

- Demonstrasi pertama diadakan ketika kedatangan Gabenor Pertama Sarawak iaitu Charles Arden Clarke
- Diketuai Datu Patinggi Abang Haji Abdillah.
- Perarakan disertai 16 persatuan Melayu.
- PKMS mendesak British undur dari Sarawak.
- Antara yang tertulis termasuklah
- "Kami membantah dengan sekeras – kerasnya tindakan Brooke menyerahkan Sarawak kepada kolonial Inggeris", "Sarawak adalah hak kami" dan "Leburkan kolonial" serta "No Cession".

3. Meletak Jawatan Beramai - ramai

- British menyedari pemimpin antipenyerahan terdiri dari pegawai perkhidmatan awam dan guru.
- British mengeluarkan Pekeliling No. 9/1946 yang melarang pegawai awam sertai Gerakan.
- Seramai 409 kakitangan kerajaan meletak jawatan seperti guru, petugas di Pos dan Telegraf, Jabatan Marin, Kastam, Perubatan dan Kesihatan, Percetakan, Jabatan Tanah dan Ukur, Jabatan Kerja Raya, Bomba dan Perbendaharaan.
- Seramai 56 pelajar Maktab Perguruan Melayu Sarawak bertindak menamatkan pengajian sebagai bantahan terhadap Pekeliling No.9.

4. Bantahan golongan Wanita

- Golongan wanita yang menentang hebat ialah Cikgu Lily Eberwein (PKMS), Hajah Sipah Tuanku Othman, Dayang Fauziah dan Cikgu Ajibah Abol.
- Mereka sanggup mengorbankan masa dan tenaga mengatur demonstrasi menentang penyerahan .
- Cikgu Ajibah Abol ketuai kaum wanita bergabung tenaga dengan gerakan antipenyerahan.

5. Menggunakan akhbar

- Utusan Sarawak digunakan sebagai Saluran menyebarkan tentangan mereka terhadap penyerahan Sarawak.
- Ulasan berita tentang tindakan British menyekat Anthony Brooke dari memasuki Sarawak.
- Artikel bertajuk "Kerajaan British Menipu Rakyat" yang disiarkan pada 7 Nov 1949

6. Menulis Surat Bantahan

- Pergerakan Pemuda Melayu (PPM) hantar surat kepada kerajaan British di London.
- Menyatakan bantahan terhadap penyerahan Sarawak.
- Barisan Pemuda Sarawak (BPS) menghantar referendum memansuhkan penyerahan Sarawak.
- Mereka menghantar surat bantahan kepada Perdana Menteri British, Clement Attlee.
- Anthony Brooke menentang penyerahan melalui sistem perundangan beliau membuat rayuan di Privy Council.
- Anthony bawa kes ini ke Mahkamah Tinggi Brunei namun ditolak

7. Menubuhkan Kumpulan Rukun 13

- Golongan Muda dalam Gerakan antipenyerahan menubuhkan rukun oleh Pergerakan Pemuda Melayu Sibu.
- Dipimpin oleh Awang Rambli, Morshidi Sidek dan Bujang Suntong.
- Sasarannya ialah menghapuskan pegawai tinggi British di Sibu, Sarawak.
- Satu mesyuarat sulit diadakan untuk membunuh Duncan Stewart pada 3 Dis 1949 di Sibu.

***Peristiwa Sungkit Berdarah***

- Rosli Dhobi adalah antara pejuang kemerdekaan Sarawak.
- Beliau menikam Sir Duncan Stewart dan meninggal dunia di Hospital Singapur.
- Peristiwa dikenali "Sungkit Berdarah"
- Pembunuhan Duncan memberi kesempatan kapada British untuk menindas gerakan antipenyerahan.
- British menutup pejabat PPM, PKMS, BPS, Angkatan Semangat Anak Negeri Sarawak (ASAS).
- Anthony Brooke merayu semua persatuan supaya menghentikan usaha menentang penyerahan.
- Rosli Dhoby, Morshidi Sidek, Awang Rambli, Bujang Sutong dikenakan hukuman gantung hingga mati.
- Anggota Rukun 13 yang lain dipenjarakan.
- Gerakan antipenyerahan Sarawak gagal.
- Ini memberi kesedaran dan membangkitkan nasionalisme dalam kalangan penduduk.
- Sehingga membawa kepada penubuhan parti politik

**Reaksi penduduk yang menyokong Penyerahan Sarawak.**

- Di sebalik menentang tetapi ada juga yang menyokong penyerahan Sarawak.
- Kumpulan menyokong diketuai Datu Bandar Abang Haji Mustapha dan Datu Amar Abang Haji Suleiman.
- Faktor menyokong kerana

a. Memajukan negeri.

- Ahli Majlis Negeri, menyatakan selepas perang, Sarawak mengalami banyak kemusnahan.
- Penyerahan dapat memajukan Sarawak dalam aspek politik, perhubungan, perdagangan, pertanian, pendidikan, kesihatan , taraf hidup rakya

b. Memajukan Penduduk Tempatan.

- Golongan propenyerahan menubuhkan Young Malay Association (YMA).
- Menggalakkan kemajuan orang Melayu dalam ekonomi dan sosial.
- Membantu orang Melayu yang mundur dan ketinggalan.
- Menjurus pada bidang pelajaran, agama dan sukan.

c. Memberi Peluang Pekerjaan dalam Perkhidmatan Awam.

- Ramai golongan intelektual diberikan peluang untuk mengisi jawatan tinggi seperti peguam, doktor dan jurutera.

**4.6 Penyerahan Sabah kepada Kerajaan British**

- Pentadbiran British military Administration ( BMA ) diperkenalkan di Sabah selepas Jepun serah kalah.
- Kota Kinabalu dibebaskan dari kawalan Jepun dan Sandakan dibebaskan.
- Ketua pentadbiran BMA ialah C.F.C Macaskie.

**Faktor Penyerahan sabah kepada British.**

- Syarikat Borneo Utara British (SBUB)menandatangani perjanjian dengan British.
- Sabah menjadi tanah jajahan British.
- Pentadbiran negeri akan ditadbir oleh Gabenor sebagai Ketua Kerajaan.
- Gabenor British pertama ialah Sir Edward Twining

a. Memenuhi Kepentingan British.

- Perdana Menteri Britain Clement Attlee sedang selesaikan pemberian kemerdekaan kepada Sri Lanka, India dan Burma.
- Sabah berpotensi menggantikan tanah jajahan tersebut kerana berupaya bekalkan sumber bahan mentah dan kawasan pasaran bagi barangan British

2. Meneruskan dasar British dalam Hubungan Luar.
- Semasa pemerintahan SBUB, Sabah negeri naungan British.
- British kuasai perhubungan luar negeri dan pertahanan Sabah.
- Mendorong SBUB membuat keputusan serah Sabah kepada British.

3. Masalah Kewangan SBUB.
- Sebelum tinggalkan Sabah, Jepun musnahkan Jesselton, Kudat, Sandakan.
- Memerlukan kos besar tetapi SBUB tidak mampu bangunkan Sabah.
- SBUB setuju serah kepada British kerana kekurangan dana

### 4.7 Reaksi Penduduk Tempatan terhadap Penyerahan Sabah

- Penyerahan Sabah pada 15 Julai 1946 tidak mendapat penentangan daripada rakyat tempatankerana

**1. Dasar British.**

- British menindas Kegiatan Berpesatuan
- Penduduk Sabah terdiri dari pelbagai kumpulan etnik berbeza bahasa, budaya, kepercayaan, petempatan, kegiatan ekonomi.
- Sukar untuk menghimpunkan kesemua etnik dalam satu pertubuhan.
- Terdapat juga persatuan ditubuhkan seperti Persaudaraan Sahabat Pena Sabah (PASPAS) dan Persatuan Kebangsaan Melayu di Sabah pimpinan Tengku Noordin, Zakaria Gun dan Abu Bakar K. Ahmad.
- Barisan Pemuda Sabah (BARIP) pimpinan Mandur Mohammad Sharif, Imam Suhaili Yaakub, Seruji Yaakub dan Zulkifli Apong Abang Abdul Hadi.
- Pada awal organisasi ditubuhkan untuk memperbaik ekonomi dan politik bumiputera.
- Kemudian pemimpin persatuan bergiat aktif membangkitkan kesedaran berpoltiik.
- British khuatir pengaruh pemimpin ini gugat kedudukan mereka. Bagi melumpuhkan Gerakan ini, British bertindak secara halus iaitu menawarkan jawatan kenaikan pangkat kepada ahli dan memindahkan ahli dan pemimpin yang aktif ke bandar lain.
- Kesannya kegiatan persatuan lemah kerana masalah kewangan dan kekurangan pemimpin berkebolehan.

| Pertubuhan | Pemimpin | Tindakan |
|---|---|---|
| Barisan pemuda sabah ( BARIP ) | Pengeran Muhd Yusof Jamil Umar | Telah dihantar berkursus ke SITC |
| | H. M. Salleh | Ditawar berkerja dengan kerajaan |
| | Mandur Syarif | Pulang ke Indonesia |
| | Imam Suhaili Yaakub | Berpindah ke Labuan |
| | Seruji Yaakub | Menyertai Khairat Jumaat Muslimin ( KJM ) |
| Pemimpin Parti Kebangsaan Melayu Labuan ( PKMKL ) | Tengku Noordin | Dipindahkan ke Jesselton pada September 1946. Kemudian ditawarkan kerja di Treasury Jesselton sebelum pulang ke Tanah Melayu |
| | Zakaria Gunn | Ditukarkan ke Jesselton |
| | Apong kerahu | Ditukar dari daerah Tawau ke daerah Sandakan |

- Menghadkan Peluang dalam Pentadbiran
- Dasar British menghadkan peluang dalam pentadbiran menyebabkan penduduk Sabah kurang pengalaman dlm Birokrasi Barat

- **Kepentingan Sosioekonomi Penduduk Tempata.**
- Penyerahan Sabah dianggap peluang kepada penduduk tempatan melibatkan diri dalam pentadbiran.
- Memajukan perniagaan.
- Meluaskan jaringan perdagangan.
- Membangunkan Sabah selepas perang.
- Penduduk enggan melibatkan diri dalam aktiviti menentang penyerahan Sabah kepada British.
- Penduduk Sabah tidak memahami tujuan penyerahan.
- Dasar British yang menindas kesedaran nasionalisme dalam kalangan anak watan.
- Kebangkitan nasionalisme berlaku apabila British memperkenalkan langkah ke arah berkerajaan sendiri di Sabah

**Soalan objektif**

**1.** British military administration berusaha untuk mengembalikan kestabilan dan memulihkan kepercayaan rakyat selepas perang dunia kedua.

Apakah masalah besar yang dihadapi oleh Pentadbiran Tentera British?

A Perkauman
B Kewangan
C Bekalan makanan
D Kerosakan bangunan

**2.** Jadual yang menunjukkan peningkatan harga barang dari bulan disember 1941 hingga bulan ogos 1945 di tanah melayu pada zaman pendudukan jepun.

| Sebelum Perang Disember 1941 | | | Disember 1944 | Julai 1945 | Selepas Perang Ogos 1945 |
|---|---|---|---|---|---|
| Barang | Unit | Dolar Selat (Straits Settlements) | Mata Wang Jepun | | |
| Beras | Per kati | 0.06 | 8.20 | 36.00 | 75.00 |
| Gula | Per kati | 0.08 | 18.00 | 72.00 | 120.00 |
| Garam | Per kati | 0.015 | 9.50 | 22.00 | 28.00 |
| Telur | Setiap satu | 0.03 | 1.25 | 8.50 | 35.00 |
| Balm Harimau | ½ oz | 0.45 | 15.00 | 35.00 | 45.00 |
| Petrol | Per Gelen | 0.85 | 55.00 | 160.00 | 185.00 |

Mengapakah keadaan ini berlaku ?

A Bencana alam
B Sekatan ekonomi
C Masalah pengangguran
D Kegiatan pasaran gelap.

**3.**

| **British Military Administration** | → | **Malayan Union** |
|---|---|---|

Mengapakah perubahan tersebut berlaku ?

A Melincinkan system pentadbiran
B Mengimbangi jumlah penduduk
C Membentuk kerajaan demokratik
D Mengukuhkan institusi beraja.

**4** Mengapakah Sir Harold MacMicheal tidak disenangi oleh orang melayu.

A Memaksa raja menandatangani perjanjian.
B Menentang demontrasi orang melayu.
C Menjadi gabenor Malayan union.
D Membantu pasukan komunis

**5.** Pengistiharan Malayan union secara pada 1 april 1946 telah mendapat bantahan raja – raja melayu.

Bagaimana bantahan tersebut dilakukan ?

I Membawa kes ke mahkamah England
II Membuat perjanjian dengan British.
III Meminta bantuan bekas pegawai British.
IV Menghantar surat bantahan ke London.

A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

**6.** Apakah peranan akhbar – akhbar berikut semasa pembentukan Malayan union

- Majlis
- Utusan melayu
- Warta negara

A Menggalakkan perkembangan ekonomi
B Membolehkan bantahan disuarakan
C Menyebarkan pengetahuan agama.
D Mengatasi masalah pendidikan.

**7.** Pernyataan berikut menerangkan kongres melayu 1946.

| Kongres melayu 1946 di hadiri oleh 41 buah pertubuhan dari seluruh semenanjung tanah melayu |
|---|

Apakah nilai positif yang yang boleh dicontohi daripada sikap orang melayu tersebut ?

A Rajin bermesyuarat.
B Gigih berusaha.
C Berkeyakinan.
D Bersatu padu.

**8.** Apakah kesan pelaksanaan sistem pentadbiran Malayan union terhadap orang melayu

A Mengeratkan perpaduan.
B Meningkatkan Ekonomi.
C Mengembangkan budaya.
D Mengukuhkan kuasa sultan.

**9.** Mengapakah Charles vyner brooke menyerahkan negeri Sarawak kepada British pada tahun 1946 ?

A Masalah kesihatan.
B Desakan pedagang.
C Kepentingan ekonomi.
D Dasar dekolonisasi.

**10.** Mengapakah tokoh berikut menghantar Gerald MacBryan ke Sarawak selepas Perang Dunia Kedua?

A Mengambil alih pentadbiran.
B Menggubal perklembagaan baru.
C Menhapuskan pemberontakan.
D Mendapat persetujuan pembesar.

**11.**

| Tahun | Peristiwa |
|---|---|
| 1946 | Charles vyner brooke menyerahkan Sarawak kepada kerajaan British. |

Mengapakah penyerahan tersebut mendapat bantahan daripada penduduk sabah.

A Hak istemewa penduduk peribumi terhapus.
B Bercanggah dengan perlembagaan 1941.
C Bimbang kepentingan ekonomi terjejas.
D Setia kepada keluarga brooke.

**12.** Apakah reaksi kaum ibu dalam persatuan kebangsaan melayu Sarawak terhadap pengambilan Sarawak oleh British ?

A Memulau pentadbiran british.
B Melancarkan serangan bersenjata.
C Membunuh gabenor Sarawak.
D Mengadakan demonstrasi.

**13.** Apakah faktor syarikat borneo utara British ( SBUB ) menyerahkan pentadbiran kepada kerajaan britisah pada 15 julai 1946.

A Pemulihan prasarana.
B Kepentingan ekonomi.
C Pemodenan pentadbiran.
D Desakan British.

**14** Mengapakah tidak ada sebarang penentangan secara terbuka berlaku di sabah apabila SBUB menyerahkan sabah kepada British pada tahun 1946?

A Kepimpinan yang lemah.
B Keupayaan memerintah sendiri.
C Kesedaran politik yang sederhana.
D Tidak wujud kerjasama antara kaum.

**15**

| | |
|---|---|
| BARIP (Barisan Pemuda Sabah) | Aktif membangkitkan kesedaran politik dikalangan masyarakat setempat. |

Bagaimanakah tindakan British untuk melumpuhkan Gerakan nasionalisme ini ?

A Dibuang negeri.
B Ditangkap dan dipenjara.
C Menawarkan kenaikan panmgkat.
D Menghadkan peluang dalam pentadbiran.

**BRITISH MILITARY ADMINISTRATION**

Gambar British Military Administration ( BMA ) yang telah menduduki tanah melayu pada 12 september 1945



**British Military Administration**

a. Apakah peranan BMA semasa mentadbir Tanah Melayu ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 2 markah )

b. Bagaimanakah situasi tanah melayu semasa BMA memulakan pentadbirannya ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 4 markah )

c. British military administration berusaha untuk memulihkan kepercayaan rakyat tetapi gagal.
Mengapa berlaku sedemikian ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

( 4 markah )

**GAGASAN MALAYAN UNION**

Tokoh berikut merupakan memainkan peranan penting dalam pembentukan Malayan Union yang diperkenalkan pada 1 April 1946.





a. Apakah hasrat british memperkenalkan malayan union ?

( 2 markah )

b. Bagaimanakah fasa – fasa pembentukan Malayan union ?

( 4 markah )

c. Sebagai seorang pemimpin, cadangkan langkah – langkah yang perlu diambil untuk mempertahankan kedaulatan negara bangsa ?

( 4 markah )

**REAKSI PENDUDUK TEMPATAN TERHADAP MALAYAN UNION**

Maklumat berikut berkaitan penentangan terhadap Malayan union.

- Raja – raja melayu
- Orang melayu
- Bekas pegawai British

a. Siapakah pegawai British yang menentang pelaksanaan Malayan union.

I. ____________________________________________

II. ____________________________________________

( 2 markah )

b. Nyatakan cara bantahan raja – raja melayu terhadap Malayan union ?

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

( 2 markah )

c. Berita Malayan union telah mencetuskan kesedaran semsangat nasipnalisme untuk menentang British. Bagaimanakah tindakan rakyat tempatan terhadap Malayan union ?

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

( 3 markah )

d. Mengapakah kita perlu berwaspada dalam membuat sebarang tindakan ?

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

____________________________________________

( 3 markah )

**PENYERAHAN SARAWAK KEPADA BRITISH.**

**Maklumat berikut berkaitan pentadbiran di Sarawak sebelum vyner brooke menyerahkan Sarawak kepada British pada 1 julai 1946.**

- British Borneo Civil Affairs Unit ( BBCAU ) - 11 september 1945.
- British Military Administration ( BMA ) - 1946.

a. Mengapakah vyner brooke menyerahkan Sarawak kepada British?

________________________________________________________________________________

________________________________________________________________________________

________________________________________________________________________________

________________________________________________________________________________

( 3 markah )

b. Gammans dan rees Williams ahli parlimen British dihantar untuk membuat tinjauan terhadap penyerahan Sarawak kepada British.
Nyatakan hasil tinjauan tersebut ?

________________________________________________________________________________

________________________________________________________________________________

________________________________________________________________________________

________________________________________________________________________________

( 3 markah )

c. Pada pendapat anda, wajarkah tindakan vyner brooke menyerahkan Sarawak kepada British ?

________________________________________________________________________________

________________________________________________________________________________

________________________________________________________________________________

________________________________________________________________________________

________________________________________________________________________________

( 4 markah )

**REAKSI PENDUDUK TEMPATAN TERHADAP PENYERAHAN SARAWAK.**

Tokoh berikut merupakan kemuncak kepada peristiwa penentangan dan Gerakan antipenyerahan Sarawak apabila rosli dhoby membunuh Duncan stewart



**Rosli Dhoby**



**Duncan Stewart**

a. Mengapakah berlaku penentangan terhadap penyerahan Sarawak ?

( 3 markah )

b. Disebalik penentangan terhadap penyerahan Sarawak, terdapat juga penduduk menyokong. Mengapa berlaku sedemikian ?

( 3 markah )

c. Mengapakah Gerakan penentangan penyerahan Sarawak kepada British mengalami kegagalan. Berikan pendapat anda.

( 4 markah )

**PENYERAHAN SABAH KEPADA BRITISH.**

Maklumat berkaitan pwenyerahan sabah kepada British.

| |
|---|
| Syarikat Borneo Utara British ( SBUB) menandatangani perjanjian dengan British pada 26 jun 1946. Perjanjian ini membawa kepada penyerahan sabah kepada british secara rasmi pada15 julai 1946. |

a. Jelaskan sebab berlaku penyerahan tersebut ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

**( 3 markah )**

b. Mengapakah penyerahan sabah tidak mendapat tentang oleh pendduk tempatan ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

**( 3 markah )**

c. Pada pendapat anda, mengapakah Gerakan anti penyerahan mengalami kegagalan ?

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

______________________________________________

**( 4 markah )**